

Jujur laksana tugas dalam norma baharu

Krisis kesihatan COVID-19 yang mengubah dunia sejak awal tahun lalu, tampaknya bakal berterusan dalam masa setahun ini dan mungkin bernoktah hanya apabila vaksinasi dapat disempurnakan.

Dalam menempuh cabaran norma baharu, perkara paling utama perlu dititikberatkan ialah perubahan gaya hidup dan fleksibiliti atau keanjalan dalam menguruskan kehidupan mengikut keperluan semasa pandemik.

Tidak kira dari aspek kehidupan seharian atau kesihatan, pendekatan lama yang sering digunakan tidak relevan lagi.

Adaptasi perubahan dalam segenap ruang kehidupan harus dilakukan dengan drastik termasuk pengurusan dalam kerja, terutama bagi penjawat awam.

Penjawat awam tidak lagi boleh berada dalam zon selesa sehingga apabila persoalan kerja dibangkitkan, baya-

ngan ruang pejabat dan kerja peribadi sering timbul.

Tradisi yang menjadi norma lama ini perlu diubah dalam waktu sesingkat mungkin bagi menjamin kompetensi dan kerelevanan kewujudan jawatan itu sendiri.

Konsep fleksibiliti dalam menguruskan sumber berdasarkan limitasi dan kelebihan teknologi terkini perlu segera dikuasai serta dioptimumkan segenap lapisan penjawat awam di negara ini.

Skop dan ruang kerja terbatas masa serta pejabat harus ditukar kepada konsep pelaksanaan kerja di mana sahaja dan pada bila-bila masa diperlukan serta diuruskan secekapnya.

Dalam menguruskan dan beradaptasi dengan norma baharu dalam, pengalihan sumber, adaptasi teknologi dan perubahan paradigma amat penting.

Penjawat awam seharusnya menukar paradigma cara kerja lama ke arah lebih dinamik dan menguasai segenap teknologi yang tersedia. Mesyuarat secara bersemuka sebagai

contoh perlu dijalankan melalui aplikasi dalam talian seperti Webex, Zoom dan Google Meet.

Perubahan ini tentu sekali menuntut penguasaan dan normalisasi teknologi digital terhadap segenap lapisan penjawat awam Malaysia.

Kepada mereka yang berada dalam hierarki pengurusan tertinggi dan pertengahan, empati terhadap keperluan dalam mengimbangi antara kerjaya dengan kehidupan peribadi pekerja mungkin menjadi cabaran utama.

Mereka harus terus berinovasi dan fleksibel dalam menguruskan sumber manusia dengan memberi lebih ruang kepada pekerja mengimbangi antara profesion dengan keperluan insani sebagai manusia.

Cabaran kedua yang dihadapi mungkin dari sudut integriti pekerja dalam memahami konsep fleksibiliti pengurusan terhadap pekerja.

Apakah pekerja akan kekal amanah? Apakah pekerja akan mendisiplinkan diri untuk terus melaksanakan tugas dengan cemerlang tanpa pengawasan?

Persoalan ini sering menjadi pertanyaan pada pihak pengurusan terutama dalam keperluan berkerja dari rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti dilaksanakan sekarang.

Kedua-dua pihak pekerja mahupun pengurusan memerlukan fleksibiliti dalam melaksanakan tuntutan kerja. Itu syarat dan kriteria dan cabaran dalam menghadapi pandemik.

Bagaimanapun dalam memenuhi syarat terbabit, ikatan amanah, saling dipercayai dan kefahaman sekata antara kedua-dua pihak amat penting dalam menghayati maksud fleksibiliti diberikan pengurusan tertinggi/pertengahan dan diterima pekerja ini.

Dengan cara ini, fleksibiliti pengurusan dalam kalangan penjawat awam akan dapat dicapai dengan lancar dan kecemerlangan penjawat awam akan dapat dikekalkan.

Penulis adalah Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu



Tuan Ahmad
Marwan
Tuan Rosdi